
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

PLG 732 - Penyelidikan dan Penilaian Kurikulum

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN :

Jawab **SEMUA** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Anda ditugaskan untuk menjalankan satu penilaian program bagi menilai program pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di sekolah rendah dan menengah. Untuk tujuan ini anda perlu merancang pelaksanaan penilaian program tersebut.

Sediakan satu laporan rancangan di atas berdasarkan tajuk-tajuk berikut:

1. Pengenalan

- a. Latar belakang program yang akan dinilai (panjangnya tidak melebihi satu muka surat).
- b. Aktiviti penilaian program: perbincangan dari aspek matlamat, kriteria, indikator, pengukur, hasil dan input.

(30 markah)

2. Fokus Penilaian

- a) Isu penilaian pengajaran dan pembelajaran dalam konteks penilaian kurikulum.
- b) Pemilihan model penilaian yang relevan.
- c) Batasan (limitations) dan halangan (constraints) yang mungkin dihadapi.

(60 markah)

3. Rumusan

Apakah tiga bentuk maklumat yang didapati daripada rancangan penilaian program di atas yang berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuat keputusan tentang pelaksanaan program pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

(10 markah)